



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 6 JAN 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI SEDIA PERUNTUKAN BANTU WIRA AGRO TERKESAN BANJIR BANGKIT SEMULA, NASIONAL, SH-6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI BANTU WIRA AGRO TERKESAN BANJIR BANGKIT SEMULA, SH-ONLINE	
3.	275 WIRA AGRO DI MELAKA TERJEAS BANJIR, RUGI RM2.8JUTA, UM-ONLINE	
4.	BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI-MAFI, NASIONAL, SH-23	
5.	5,500 'AGRO HEREOS' AFFECTED BY FLOODS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN-2	
6.	5,500 WIRA AGRO RUGI RM67.72 JUTA, NASIONAL, BH-5	
7.	WIRA AGRO RUGI RM67j, NIAGA KOSMO-37	
8.	5,500 WIRA AGRO TERKESAN AKIBAT BANJIR, BH-ONLINE	
9.	BANJIR : SUBSEKTOR AGROMAKANAN DIANGGAR RUGI LEBIH RM67.7 JUTA, HARAKAH DAILY-ONLINE	
10.	5,500 PENGUSAHA PERTANIAN, PENTERNAKAN RUGI 67.7 JUTA, KOSMO-ONLINE	
11.	CEROBOH PERAIRAN : JABATAN PERIKANAN TIDAK BERTINDAK, DALAM NEGERI, UM-6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12.	COOCKLE HUB FOR PONTIAN, METRO, THE STAR-1,3	
13.	PINEAPPLE FARMERS LOSE RM5.4MIL, NATION, THE STAR-8	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
14.	BIOKERJAYA @ MY FUTURE AGRO MEMPERTINGKAT LANDSKAP KERJAYA, PREBIU.COM-ONLINE	MALAYSIA BIOECONOMY DEVELOPEMENT CORPORATION SDN BHD
15.	NEKMAT JANGKA HARGA IKAN PULIH 2 MINGGU LAGI, NASIONAL, BH-6	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
16.	13,200 IKAN DIHANYUT BAH, LOKAL, HM-6	LAIN-LAIN
17.	POKOK STRAWBERI SELISING LARIS, DALAM NEGERI, UM-33	
18.	PRICES OF SOME GREENS UP, NATION, THE STAR-5	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	MAFI sedia peruntukan bantu Wira Agro terkesan banjir bangkit semula		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	06 Jan 2022	Circulation	140,000
Section	Nasional	Readership	420,000
Page No	28	ArticleSize	387 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 8,204
Journalist	N/A	PR Value	RM 24,612
Frequency	Daily		



## MAFI sedia peruntukan bantu Wira Agro terkesan banjir bangkit semula

**ALOR GAJAH** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyediakan beberapa peruntukan termasuk Dana Bangkit Semula Keluarga Agro berjumlah RM100 juta kepada Wira Agro yang terjejas akibat banjir.

Timbalan Menteri 1 MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, terdapat juga peruntukan pembangunan semula projek agro makanan (PPSPA) berjumlah RM80 juta selain Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) berjumlah RM12 juta bagi membantu mereka yang terkesan.

Menurutnya, peruntukan itu dapat memberi nafas baharu kepada peternak, peladang dan usahawan tanaman padi.

"Setakat ini hampir 5,000 bakul makanan disalurkan kepada Wira Agro di beberapa negeri sekali gus dan diyakini mampu memastikan sekuriti makanan Keluarga Malaysia terjamin dan kelangsungan perusahaan Wira Agro terbaik.

"Kita tahu ini merupakan ujian yang dihadapi petani dan peternak dan kerajaan berusaha membantu supaya golongan itu



Ahmad (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada seorang wakil keluarga agro di Kampung Gadek yang terjejas akibat banjir pada Rabu.

bangkit semula," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika menyampaikan sumbangan bakul makanan dan set selimut kepada keluarga Agro yang terlibat banjir di Kampung Gadek di sini pada Rabu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha

MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Azulita Salim.

Mengulas lanjut, Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasin berkata, berdasarkan laporan awal yang diterima sehingga kini, lebih 5,500 pengusaha sub-

sektor agro makanan termasuk tanaman, perikanan, akuakultur, peternakan dan sebagainya terjejas banjir dengan anggaran kerugian kira-kira RM67.72 juta.

Menurutnya, daripada jumlah itu RM2.83 juta membabitkan seramai 275 Wira Agro termasuk di daerah Alor Gajah,

Melaka Tengah dan Jasin.

"MAFI melalui pelbagai Jabatan dan agensi masih melaksanakan penilaian bagi mengenal pasti kerugian sebenar yang dialami oleh golongan sasar yang terkesan dan jumlahnya dijangka terus meningkat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MAFI BANTU WIRA AGRO TERKESAN BANJIR BANGKIT SEMULA



**ALOR GAJAH** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyediakan beberapa peruntukan termasuk Dana Bangkit Semula Keluarga Agro berjumlah RM100 juta kepada Wira Agro yang terjejas akibat banjir.

Timbalan Menteri 1 MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, terdapat juga peruntukan pembangunan semula projek agro makanan (PPSPA) berjumlah RM80 juta selain Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) berjumlah RM12 juta bagi membantu mereka yang terkesan.

Menurutnya, peruntukan itu dapat memberi nafas baharu kepada penternak, peladang dan usahawan tanaman padi.

"Setakat ini hampir 5,000 bakul makanan disalurkan kepada Wira Agro di beberapa negeri sekali gus dan diyakini mampu memastikan sekuriti makanan Keluarga Malaysia terjamin dan kelangsungan perusahaan Wira Agro terbelia.

"Kita tahu ini merupakan ujian yang dihadapi petani dan penternak dan kerajaan berusaha membantu supaya golongan itu bangkit semula," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika menyampaikan sumbangan bakul makanan dan set selimut kepada keluarga Agro yang terlibat banjir di Kampung Gadek, di sini, pada Rabu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Azulita Salim.

Mengulas lanjut, Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasin berkata, berdasarkan laporan awal yang diterima sehingga kini, lebih 5,500 pengusaha subsektor agro makanan termasuk tanaman, perikanan, akuakultur, penternakan dan sebagainya terjejas banjir dengan anggaran kerugian kira-kira RM67.72 juta.

Menurutnya, daripada jumlah itu RM2.83 juta membabitkan seramai 275 Wira Agro termasuk di daerah Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin.

"MAFI melalui pelbagai Jabatan dan agensinya masih melaksanakan penilaian bagi mengenal pasti kerugian sebenar yang dialami oleh golongan sasar yang terkesan dan jumlahnya dijangka terus meningkat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## 275 WIRA AGRO DI MELAKA TERJEJAS BANJIR, RUGI RM2.8 JUTA



AHMAD Hamzah (kanan) melihat sangkar ternakan arnab seorang wira agro yang terjejas akibat banjir di Kampung Ramuan China Kecil di Lubok Cina, Melaka. - FOTO/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

**ALOR GAJAH:** Seramai 275 wira agro di negeri ini terjejas akibat banjir dengan kerugian dianggarkan berjumlah RM2.8 juta. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, laporan awal setakat 4 Januari mendapati, daerah Alor Gajah mencatatkan bilangan petani atau penternak paling ramai terjejas iaitu seramai 138 orang, diikuti Melaka Tengah (76 orang) dan Jasin (61 orang).

Menurut beliau, jumlah itu dijangka akan meningkat memandangkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) masih menjalankan penilaian.

“Banjir yang melanda telah memusnahkan segala hasil tanaman dan ternakan mereka. MAFI melalui pelbagai jabatan dan agensi masih melaksanakan penilaian bagi mengenal pasti kerugian sebenar yang dialami oleh golongan sasar yang terkesan.

**“Saya yakin Dana Bangkit Semula Keluarga Agro berjumlah RM100 juta dan Tabung Bencana melalui Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agro Makanan (PPSPA) berjumlah RM80 juta serta Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) sebanyak RM12 juta dapat memberi nafas baru kepada wira agro untuk bangkit semula.**

**“Ia sekaligus akan memastikan sekuriti makanan Keluarga Malaysia terus terjamin dan kelangsungan perusahaan wira agro terbela,” katanya pada program menyantuni wira agro di Kampung Ramuan China Kecil, di sini hari ini.**

Terdahulu, Ahmad menyampaikan sumbangan bakul makanan, set selimut dan makanan ternakan kepada 30 penerima yang terjejas banjir melalui inisiatif MAFI Prihatin.

Sementara itu, mengenai kenaikan harga makanan, Ahmad berkata, setakat ini harga makanan masih lagi stabil meskipun negara dilanda musibah banjir yang memusnahkan banyak tanaman serta ternakan.

**“Semoga dengan bantuan kerajaan ini akan segera menstabilkan bekalan di pasaran termasuk harganya sekali. Kenaikan harga makanan seperti ikan segar ketika ini adalah disebabkan fenomena cuaca yang tidak menentu,” katanya. – UTUSAN**

Headline	Bekalan makanan mencukupi - MAFI		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	23	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	344 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh ENGKU SHARIFUL AZNI	AdValue	RM 7,293
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,879



# Bekalan makanan mencukupi - MAFI

Harga barang turut dijamin tidak meningkat walaupun terjejas akibat banjir

Oleh ENGKU SHARIFUL AZNI

HULU LANGAT

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bahawa bekalan makanan mencukupi walaupun sebanyak 5,500 hektar kawasan pertanian melibatkan kebun sayuran, penternakan dan perikanan terjejas akibat banjir di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh ber-

kata, harga barang mentah juga tidak akan meningkat ekoran bencana tersebut walaupun harga peralatan pertanian meningkat.

"Walaupun harga peralatan pertanian meningkat, tapi saya rasa tidak ada beza sangat dari segi harga bahan mentah semasa selepas banjir.

"Bekalan memang terjejas semasa banjir, tapi kita ada stok makanan yang mencukupi. Banjir ini berlaku sebentar sahaja, tapi ia akan pulih seperti asal," katanya ketika melawat Tapak Projek Tanaman Fertigasi Cili di Batu 17, Dusun Tua, di sini pada Rabu.

Dalam pada itu, Nik Muhammad Zawawi berkata, seramai hampir 5,550 orang Wira Agro iaitu pengusaha produk asas tani daripada semua subsektor agromakanan terkesan akibat bencana banjir di seluruh negara dengan anggaran kerugi-

an berjumlah RM67.72 juta.

Ujarnya, negeri Selangor sahaja mencatatkan kerugian dianggarkan berjumlah RM11.88 juta melibatkan seramai 851 orang Wira Agro.

"MAFI melalui pelbagai jabatan dan agensi mereka masih melaksanakan penilaian bagi mengenal pasti kerugian sebenar yang dialami oleh golongan terkesan, yang mana jumlahnya dijangka akan terus meningkat.

"MAFI berharap agar Dana Bangkit Semula Keluarga Agro berjumlah RM100 juta meliputi geran pinjaman tanpa faedah daripada Agro Bank dan moratorium selama enam bulan dapat membantu berikan nafas baharu kepada Wira Agro yang terjejas akibat banjir. Peruntukan tersebut dijangka akan diagihkan pada hujung Januari ini," katanya.

Nik Muhammad Zawawi pada Rabu melawat tiga lokasi



Dari kanan, Zahimi dan Nik Muhammad Zawawi memberikan bantuan makanan MAFI Prihatin kepada salah seorang Wira Agro di Projek Industri Asas Tani (IAT) di Dusun Tua, pada Rabu.

projek Wira Agro yang terjejas banjir iaitu di Tapak Projek Tanaman Fertigasi Cili di Batu 17, Pusat Inkubator dan Projek Industri Asas Tani (IAT) di Dusun Tua, di sini.

Turut hadir bersama dalam program itu adalah Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia, Datuk Zahimi Hassan dan Pengarah Pertanian Negeri Selangor, Azahar Ibrahim.

## 5,500 'agro heroes' affected by floods

**KUALA LUMPUR:** Almost 5,500 agrofood entrepreneurs or "wira agro" (agro heroes) in all sub-sectors of the industry were affected by the recent floods that hit the country, said Agriculture and Food Industries Deputy Minister Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

He said up to Jan 3, the losses

borne by the agro heroes were estimated to be RM67.72 million.

"Selangor alone has recorded RM11.88 million in losses involving 851 agro heroes."

"The ministry through various departments and agencies will continue to evaluate the actual losses incurred by this flood-affected

group," he said when met by reporters at an agro heroes programme in Hulu Langat near here yesterday.

Also present were Malaysia Department of Agriculture director-general Datuk Zahimi Hassan and Selangor Agriculture Department director Azahar Ibrahim.

Nik Muhammad Zawawi said that

the ministry had allocated RM100 million for a "Dana Bangkit Semula Keluarga Agro" (Agro Family Revival Fund), RM80 million for Agrofood Redevelopment Projects and RM12 million for a Padi Growing Disaster Fund to assist affected agro heroes.

"I hope all the aid can help agro heroes rebuild their lives." — Bernama

Headline	5,550 Wira Agro rugi RM67.72 juta		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Black/white
Date	06 Jan 2022	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	5	ArticleSize	183 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 3,085
Journalist	N/A	PR Value	RM 9,255
Frequency	Daily		



# 5,550 Wira Agro rugi RM67.72 juta

**Putrajaya:** Kira-kira seramai 5,550 Wira Agro dari seluruh negara membabitkan semua sub-sektor agromakanan terkesan akibat bencana banjir dengan anggaran kerugian berjumlah RM67.72 juta.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata Selangor mencatatkan kerugian dianggarkan berjumlah RM11.88 juta membabitkan seramai 851 Wira Agro.

Beliau berkata, kementerian itu melalui pelbagai jabatan dan agensi masih melaksanakan pemilaian bagi mengenal pasti ke-

rugian sebenar dialami golongan sasar yang terkesan dan menjangkakan jumlahnya akan terus meningkat.

Berikut itu, katanya, kementerian berharap Dana Bangkit Semula Keluarga Agro berjumlah RM100 juta dan Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) berjumlah RM80 juta serta Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) berjumlah RM12 juta yang disediakan kerajaan dapat memberikan nafas baharu kepada mereka yang terabit banjir.

"Inisiatif ini diharap dapat membantu Wira Agro yang ter-

kesan akibat bencana banjir untuk bangkit semula bagi memastikan sekuriti makanan Keluarga Malaysia terus terjamin dan ke langgungan perusahaan agro makanan terbaik," katanya menurut satu kenyataan selepas meninjau kawasan terjejas bencana banjir dan menyantuni Wira Agro di daerah Hulu Langat, semalam.

Lawatan itu turut disertai Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Zahimi Hassan dan Pengarah Pertanian Selangor, Azhar Ibrahim.

Pada program itu, Nik Muhammad Zawawi melawat kawasan

tanaman cili fertigasi dan usahawan projek industri asas (IAT) bawah bimbingan Jabatan Pertanian Selangor.

Beliau berkata, Jabatan Pertanian melalui skuad DOA Cakna turut mengadakan aktiviti pembersihan di tiga lokasi projek Wira Agro yang terjejas banjir iaitu di Projek Fertigasi Sungai Lui, Pusat Inkubator dan Projek IAT di Dusun Tua.

Katanya, bantuan bakul makanan melalui inisiatif MAFI Prilatin dan input pertanian turut disumbangkan kepada pengusaha yang terjejas bagi meringankan beban mereka.

Headline	Wira Agro rugi RM67j		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	06 Jan 2022	Circulation	155,996
Section	Niaga	Readership	467,988
Page No	37	ArticleSize	193 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 5,009
Journalist	N/A	PR Value	RM 15,027
Frequency	Daily		



NIK MUHAMMAD ZAWAWI (bersongkok) melawat ladang cili dan timun yang musnah akibat banjir di Hulu Langat semalam.

## Wira Agro rugi RM67j

**HULU LANGAT** – Hampir 5,550 Wira Agro, yang terdiri daripada pengusaha pertanian dan penternakan di seluruh negara telah dikenal pasti terjejas akibat bencana banjir baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, anggaran kerugian dialami berjumlah RM67.72 juta.

“Berdasarkan laporan yang diterima sehingga kini hampir 5,550 Wira Agro daripada semua subsektor agromakanan telah terkesan akibat bencana banjir.

“Selangor sahaja mencatatkan kerugian dianggarkan RM11.88 juta melibatkan seramai 851 Wira Agro,” katanya kepada pemberita selepas melawat ladang cili dan timun berkeluasan kira-kira 1.6 hektar

yang musnah akibat bencana banjir di sini semalam.

Nik Muhammad Zawawi berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui pelbagai jabatan dan agensinya masih melaksanakan penilaian bagi mengenal pasti jumlah kerugian sebenar.

Menurut beliau, MAFI berharap Dana Bangkit Semula Keluarga Agro berjumlah RM100 juta, Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) berjumlah RM80 juta serta Tabung Benihan Tanaman Padi (TBTP) berjumlah RM12 juta dapat membantu Wira Agro yang terkesan.

“Bantuan ini juga bertujuan memastikan kelangsungan perusahaan para Wira Agro, seterusnya menjamin sekuriti makanan negara,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## 5,550 WIRA AGRO TERKESAN AKIBAT BANJIR

Oleh Samadi Ahmad - Januari 5, 2022 @ 12:52pm



**PUTRAJAYA:** Kira-kira 5,550 Wira Agro dari seluruh negara membabitkan semua subsektor agromakanan terkesan akibat bencana banjir dengan anggaran kerugian berjumlah RM67.72 juta.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata Selangor mencatatkan kerugian dianggarkan berjumlah RM11.88 juta membabitkan seramai 851 Wira Agro.

Beliau berkata, kementerian itu melalui pelbagai jabatan dan agensi masih melaksanakan penilaian bagi mengenal pasti kerugian sebenar dialami golongan sasar yang terkesan dan menjangkakan jumlahnya akan terus meningkat.

Berikutan itu, katanya, kementerian berharap Dana Bangkit Semula Keluarga Agro berjumlah RM100 juta dan Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) berjumlah RM80 juta serta Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) berjumlah RM12 juta yang disediakan kerajaan dapat memberikan nafas baharu kepada mereka yang terbabit banjir.

"Inisiatif ini diharap dapat membantu Wira Agro yang terkesan akibat bencana banjir untuk bangkit semula bagi memastikan sekuriti makanan Keluarga Malaysia terus terjamin dan kelangsungan perusahaan agro makanan terbelia," katanya menerusi satu kenyataan selepas meninjau kawasan terjejas bencana banjir dan menyantuni Wira Agro di daerah Hulu Langat, hari ini.

Lawatan itu turut disertai Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Zahimi Hassan dan Pengarah Pertanian Selangor, Azhar Ibrahim.

Pada program itu, Nik Muhammad Zawawi melawat kawasan tanaman cili fertigasi dan usahawan projek industri asas (IAT) bawah bimbingan Jabatan Pertanian Selangor.

Beliau berkata, Jabatan Pertanian melalui skuad DOA Cakna turut mengadakan aktiviti pembersihan di tiga lokasi projek Wira Agro yang terjejas banjir iaitu di Projek Fertigasi Sungai Lui, Pusat Inkubator dan Projek IAT di Dusun Tua.

Katanya, bantuan bakul makanan melalui inisiatif MAFI Prihatin dan input pertanian turut disumbangkan kepada pengusaha yang terjejas bagi meringankan beban mereka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2022	HARAKAH DAILY	ONLINE	

## BANJIR: SUBSEKTOR AGROMAKANAN DIANGGAR RUGI LEBIH RM67.7 JUTA



**KUALA LUMPUR:** Hampir 5,500 pengusaha industri agromakanan atau Wira Agro melibatkan semua subsektor agromakanan terjejas akibat banjir yang melanda seluruh negara dengan anggaran kerugian berjumlah RM67.72 juta.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata jumlah itu berdasarkan laporan diterima sehingga 3 Jan dan Selangor mencatatkan kerugian dianggarkan berjumlah RM11.88 juta membabitkan 851 orang Wira Agro.

“Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui pelbagai jabatan dan agensi terus melaksanakan penilaian bagi mengenal pasti kerugian sebenar dialami oleh golongan sasar yang terkesan,” katanya ketika ditemui pemberita dalam program menyantuni Wira Agro di Hulu Langat, hari ini.

Program tersebut turut dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia Datuk Zahimi Hassan dan Pengarah Pertanian Selangor Azahar Ibrahim.

Dalam pada itu, Nik Muhammad Zawawi memaklumkan MAFI telah memperuntukkan Dana Bangkit Semula Keluarga Agro berjumlah RM100 juta dan Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan berjumlah RM80 juta serta Tabung Bencana Tanaman Padi berjumlah RM12 juta untuk membantu Wira Agro yang terkesan.

“Saya berharap bantuan ini akan memberi nafas baharu kepada Wira Agro untuk bangkit semula di samping memastikan sekuriti makanan Keluarga Malaysia terus terjamin,” katanya. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2022	KOSMO!	ONLINE	

## 5,550 PENGUSAHA PERTANIAN, PENTERNAKAN RUGI RM67.72 JUTA



**HULU LANGAT** – Hampir 5,550 Wira Agro terdiri daripada pengusaha pertanian dan penternakan di seluruh dikenal pasti terjejas akibat bencana banjir baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, anggaran kerugian dialami para Wira Agro terbabit sebanyak RM67.72 juta.

“Berdasarkan laporan yang diterima sehingga kini hampir 5,550 Wira Agro daripada semua subsektor agromakanan telah terkesan akibat bencana banjir.

“Selangor sahaja mencatatkan kerugian dianggarkan RM11.88 juta melibatkan seramai 851 Wira Agro,” katanya kepada pemberita selepas melawat ladang cili dan timun berkeluasan kira-kira 1.6 hektar yang musnah akibat bencana banjir di sini hari ini.

Nik Muhammad Zawawi berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui pelbagai jabatan dan agensinya namun masih melaksanakan penilaian bagi mengenal pasti kerugian sebenar.

Menurut beliau, MAFI berharap Dana Bangkit Semula Keluarga Agro berjumlah RM100 juta, Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) berjumlah RM80 juta serta Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) berjumlah RM12 juta dapat membantu Wira Agro yang terkesan.

Jelas beliau, bantuan itu juga bertujuan memastikan sekuriti makanan Malaysia terus terjamin dan kelangsungan perusahaan para Wira Agro terbela. – K! ONLINE

## Ceroboh perairan: Jabatan Perikanan tidak bertindak

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR  
utusannews@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Jabatan Perikanan negeri perlu memastikan tidak berlaku pencerobohan bot-bot nelayan termasuk dari Kedah dan Thailand yang menjalankan aktiviti penangkapan sifit retak seribu secara tidak sah di perairan Kuala Perlis.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Perlis, Nor Azam Karap berkata, ini kerana pihaknya telah berjumpa dengan Persatuan Nelayan Perlis yang mengadu mengenai isu pencerobohan dan pihaknya sudah memaklumkan kepada agensi Jabatan Perikanan.

"Saya juga sedia maklum mengenai pencerobohan bot-bot nelayan terutamanya dari Kedah yang menceroboh masuk dan menggunakan mesin serta sangkar besar yang besar untuk menangkap sifit retak seribu sehingga merosakkan dasar laut pada skala besar," kata beliau.

Menurut beliau, antara tindakan perlu diambil seperti menyita bot-bot besar nelayan luar yang menceroboh sekali gus menjadi pengajaran kepada nelayan lain agar tidak berani menceroboh perairan negeri ini.

"Tindakan mencari sifit retak seribu menjelaskan habitat hidupan marin, merosakkan tempat pembiakan serta sumber makanan ketam, udang dan ikan, sekali gus merencatkan kitaran hidupan laut berkenaan," katanya.

Katanya, kerosakan dasar laut perairan negeri ini akan memberi kesan buruk kepada hasil tangkapan nelayan dalam jangka masa panjang.

Tambah Nor Azam, terdapat segelintir nelayan pesisir pantai yang menjalankan aktiviti menangkap sifit retak seribu menggunakan kaedah tradisional atau menggunakan sangkar kecil bagi menyara hidup mereka.

Namun katanya, tahap kererosakan dasar laut itu tidaklah seteruk bot nelayan yang menggunakan mesin dan sangkar besar.

Katanya, perbincangan menyeluruh meliputi semua pihak terlibat serta keputusan perbincangan itu agar lebih menjurus untuk meminimakan kerrosakan ekosistem di perairan negeri Perlis perlu dilakukan bagi menyelesaikan.



**“**  
**Tindakan mencari sifit retak seribu menjelaskan habitat hidupan marin, merosakkan tempat pembiakan serta sumber makanan ketam, udang dan ikan, sekali gus merencatkan kitaran hidupan laut berkenaan.”**

**NOR AZAM KARAP**

saikan masalah tersebut.

"Saya pernah mencadangkan usul di Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis agar diberikan leSEN atau pas bermusim menangkap sifit retak seribu kepada 20 nelayan yang berdaftar dengan persatuan nelayan dan kumpulan ini diberikan syarat seperti melakukan aktiviti itu di kawasan atau zon tertentu. Tangkapan pula hanya dilakukan pada waktu siang bagi memudahkan pihak berkuasa memantau pergerakan mereka."

"Dengan cara ini, semua pihak seperti kerajaan dan golongan nelayan akan mendapat faedah bersama manakala kererosakan dasar laut dapat dikawal bagi meneruskan kitaran hidup sumber laut. Apa pun tindakan diam-bil, sebolehnya menjurus ke arah situasi menang-menang semua pihak," katanya.

<b>Headline</b>	Cockle hub for Pontian		
<b>MediaTitle</b>	The Star		
<b>Date</b>	06 Jan 2022	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Metro	<b>Circulation</b>	175,986
<b>Page No</b>	1,3	<b>Readership</b>	527,958
<b>Language</b>	English	<b>ArticleSize</b>	1227 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	REMAR NORDIN	<b>AdValue</b>	RM 61,750
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 185,250



**Rich harvest:** Cockles, locally dubbed 'black gold', can only breed in certain states, namely Johor, Melaka, Selangor and Perak

# Cockle hub for Pontian

The district in Johor is set to have lion's share of 15 farms under pilot project

By REMAR NORDIN  
metro@thestar.com.my

THE Johor Fisheries Department plans to introduce 10 cockle farms this year, mainly centred in Pontian.

It is part of the state government's initiative to turn the Pontian district into the national cockle hub.

Department director Zainudin Abd Wahab said the project would be conducted in phases with a maximum of 15 fishermen for each cockle farm.

He said the state government had allocated RM500,000 for the two-year programme.

"Johor Land and Mines Department (PLG) has given us the green light."

"We are looking at 15 plots in total, with 10 starting this year."

"We will begin with two plots in Pontian within the first quarter of this year, followed by two plots in Muar, three in Banting, Pahat and the remaining three in Pontian as well," he said.

He added that the five additional plots would be set up next year in Pontian too.

Zainudin said each plot would be about 30ha wide.

## Expanding fishing industry

The initiative was announced by Menteri Besar Datuk Hasni Mohammad during the Johor Budget 2022 speech last November.

Currently, the department is in the final phase of discussions with the land office on granting temporary occupation licence (TOL) to the fishermen involved.

It is also finalising the list of participants for the entire programme.

"Most importantly, we already have the place to run the project and identified the cockle farmers who will start the initiative in Pontian."

The project's success or failure will depend on participants' willingness as they will be fully in charge from start to finish.

"This is part of the myKomuniti Perikanan (myKP) programme," said Zainudin, adding that it would be a two-year pilot project.

MyKP was launched in 2018 by Agriculture and Agro-based Industry Ministry to expand the fishing industry.

The Fisheries Department website states that up to March 21, 153 myKP have been set up.

Zainudin said the project could take up to 12 months before it showed results, as such only full-time cockle farmers would be allowed to take part.

"We will start by cleaning the base for the cockle cultivation plot before scattering the seeds."

"The cost is minimal as these are already natural breeding grounds for cockles."

"From then on, each farmer will be responsible for protecting their plots, especially against theft."

"They cannot expect government agencies to patrol these areas 24 hours a day."

"But since they are part of myKP, they can report suspicious activities in their area," he said, adding that the fishermen would be the department's eyes and ears.

Zainudin said cockles were considered "black gold" locally and could only breed in certain states aside from Johor, namely Perak, Selangor and Melaka.

"We want to expand the industry as currently, we do not have enough for local consumption."

"So through this project, we hope to increase our production rate and perhaps

export cockles to neighbouring countries such as Singapore and Thailand," he said.

## Huge potential in growing industry

Zainudin highlighted that last year, the department recorded over 628 metric tonnes of cockles, nearly five times the amount harvested in 2020 (1146 metric tonnes), while the figure for 2019 was 179 metric tonnes.

"So, clearly, there is huge potential to grow this industry, and we hope this project will be the starting point," he said.

"The market for cockles is expanding. About 30 years ago, 70kg could fetch only RM35 but people would still think twice about buying it."

"But today, the price could be 10 times higher as demand for the mollusc continues to soar," he noted.

Reminiscing on his early years harvesting cockles, fisherman Dawik Mohammad Ali, 58, said there were so many cockles in Ayer Buloh, Pontian, but not many people consumed them back then.

> TURN TO PAGE 3

Headline	Cockle hub for Pontian		
MediaTitle	The Star		
Date	06 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	175,986
Page No	1,3	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	1227 cm <sup>2</sup>
Journalist	REMAR NORDIN	AdValue	RM 61,750
Frequency	Daily	PR Value	RM 185,250

JOHOR

## Fishermen eager to be part of lucrative venture

> FROM PAGE 1

"I would have to beg people to buy them from me because cockles were not a 'mainstream' menu item back then," he said.

In time, demand for cockles grew and before he knew it, there were about 14 fishermen "competing" against him in the market. "There used to be just a handful of us, and the 'tukuk' (market owner) from Batu Pahat would only buy a 70kg bag a day.

"But then the market grew, and I no longer had the strength to provide 70kg a day on my own, so I asked my friends to harvest cockles instead," said Dawik, who is the MyKP chief in Ayer Baloi.

He claimed that he could easily obtain 70kg of cockles in the morning, sell them in the afternoon and return in the evening, adding that this was his routine now.

Dawik said one kilogramme of cockles could fetch up to RM10 today, depending on the size.

### Sustainable practices

According to Dawik, the harvesting period for cockles is usually from September to December, while the mating season is from January to June.

"We usually do not harvest until August as the size of the cockles will be too small otherwise for consumption."

"We can only harvest once we get clearance from the Fisheries Research Institute and Johor Fisheries Department," he said, adding that a harvesting permit would only be issued during this period.

Currently, there are 34 fishermen in Ayer Baloi in the cockles



Ismail says there should be engagement with the fishing community to ensure the success of the cockle farming project.

business and each of them is only allowed to harvest a maximum of 100kg a day.

"We want to ensure this natural resource is sustainable and not overharvested," said Dawik.

He revealed that there were six other locations for harvesting cockles in Pontian, namely Tampok Benut, Sanglang, Pulai Sebatang, Api-Api and Pontian Besar.

On the cockle farming project by the Johor Fisheries Department, he expressed hope that the department would address the issue of theft.

### Win-win proposition for all

Pulai Sebatang MyKP chief Ismail Mohd Hassan, 50, said more engagement was needed between the state government, Johor Fisheries Department and fishermen in Pontian on the cockles project.

"We want to help ensure this pilot project is successful as it will



be a win-win situation for all.

"This project is something new, not only for the fishermen but also the department and government."

"Usually with something new, there will be hiccups along the way, and some issues may require government intervention," he said.

Ismail Mohd added that expanding the cockle industry in Pontian and turning it into an agro-tourism product would be good for the district.

Meanwhile, fisherman Hairul Saleh Md Tahir, 50, is in charge of operating the cockle cleaning tank system dubbed "Moltsure".

"The system was developed by Universiti Teknologi Malaysia (UTM) and has been used by the fishing community here since 2016 to clean harvested cockles.

"The cleaning tank helps



remove toxic metals from the cockles," he said, explaining that the process could take up to three hours for two tonnes of cockles.

He added that rainwater, a vi-

gar reagent and sea salt were used during the cleaning process.

Aside from cockles, the state Fisheries Department is also planning a lobster farming project.

Hairul Saleh (right) operating the cleaning tank together with Dawik — THOMAS YONG/The Star

(Below) A fisherman sorting freshly caught cockles according to their size in Pulai Sebatang, Pontian



**Field inspection:** Sahruddin (left) surveying Nazaruddin's (centre) farm in Kampung Karak Setia. — Bernama

## Pineapple farmers lose RM5.4mil

**BENTONG:** Ninety pineapple farmers in Selangor, Pahang, Perak and Negri Sembilan have incurred losses estimated at RM5.4mil after their farms, totalling 49ha, were hit by floods.

Malaysia Pineapple Industry Board (LPNM) chairman Datuk Dr Sahruddin Jamal said board members had taken the initiative to visit the farms to see for themselves the destruction caused by the floods and also to distribute aid to these farmers.

"In Pahang alone, 39 farmers were affected by the floods and suffered losses of about RM1mil.

"We are assessing the destruction to the farms and identifying the

kinds of aid needed by them.

"Besides basic necessities, other aid to be channelled through the LPNM Disaster Fund are agriculture inputs such as fungicide, pineapple seedlings and fertiliser, amounting to RM2,500 per hectare, with the aid for a maximum of four hectares," he told Bernama after visiting the home and pineapple farm of Nazaruddin Abdul Jalil in Kampung Karak Setia, here, which was affected by the recent floods.

Sahruddin said LPNM would also assist pineapple farmers whose houses were damaged by the floods through basic aid in the form of food and basic essentials under the Agriculture and Food Industries

Ministry's Prihatin programme.

"LPNM will update the information received from affected farmers to their farms, homes or both," he said.

Nazaruddin, 49, said he was thankful and touched by LPNM's visit, as well as the handout of aid such as food, mats and a water jet to his family.

The father of two, who has been growing pineapple the past four years, said the floods had destroyed 30% of his 0.4ha farm.

"I also appreciate LPNM's efforts to buy the pineapples of the MD2 variety, which are still in good condition to lessen my family's burden," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2022	PREBIU.COM	ONLINE	

## BIOKERJAYA @ MY FUTURE AGRO MEMPERTINGKATKAN LANDSKAP KERJAYA



Program Biokerjaya @ My Future Agro yang dilaksanakan oleh Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) berupaya menjadi platform tepat buat golongan muda yang masih mencari peluang pekerjaan terutama ketika tempoh pandemik ini.

Antara peserta program, Maithly Selgan yang berkhidmat sebagai Juruteknik Akuakultur di GK Aqua Sdn Bhd, membuktikan bahawa program berkenaan ternyata membuka peluang pekerjaan sekali gus mempertingkatkan kemahiran dalam bidang tugasnya.

Beliau mengakui latihan yang dijalani menerusi program berkenaan membantu dirinya untuk menambah baik kemahiran insaniah memandangkan latar belakangnya terarah ke bidang teknikal.



Pada mulanya, beliau memohon pekerjaan terus kepada syarikat bioteknologi akuakultur terbabit tetapi pihak syarikat menggalakkannya untuk memohon menerusi program Biokerjaya @ My Future Agro. "Latihan berkaitan memberikan keyakinan untuk mengetengahkan diri saya dan menzahirkan pandangan di hadapan khalayak. Sepanjang program ini, saya mempelajari pelbagai perkara dari segi penambahbaikan diri dan kerja berpasukan.

"Malah saya sangat berterima kasih kepada Biokerjaya @ My Future Agro kerana saya sudah diambil bekerja sebagai kakitangan tetap selepas enam bulan menjalani program latihan ini," katanya.



*Peserta dan pekerja di GK Aqua melakukan pengekstrakan DNA udang galah untuk analisis penyakit.*

Eksekutif Penyelidikan dan Pembangunan Reszon, Nurul Hassanah Mohd Hassan, mengakui sebagai graduan baharu yang mencari pekerjaan dalam tempoh pandemik COVID-19 ini, sukar mencari pekerjaan dengan tiada pengalaman kerja justeru tiada salahnya mencuba platform berbeza untuk meneroka prospek kerjaya.

Menurutnya, Biokerjaya didapati sangat bermanfaat dalam menghubungkan calon dengan majikan berpotensi. Program berkenaan membolehkan beliau berhubung dengan syarikat yang bersesuaian dengan latar belakang pendidikannya dan pada masa sama, berpadanan dengan keperluan syarikat.

“Sebagai graduan baharu, persekitaran kerja mungkin agak menakutkan. Menerusi latihan pada program ini, saya berpeluang untuk lebih memahami industri ini dan berusaha sebaik mungkin dalam perkembangan diri dan syarikat,” katanya yang dimaklumkan mengenai program terbabit oleh salah seorang pensyarahnya.



Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, Mohd Khairul Fidzal Abdul Razak menjelaskan, antara matlamat utama program Biokerjaya @ My Future Agro adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada semua peserta supaya mereka mempunyai pekerjaan dalam tempoh yang mencabar ini.

“Di samping itu, kami juga mahu memberikan motivasi kepada peserta untuk sentiasa meningkatkan kemahiran diri dengan pengetahuan dan kemajuan teknologi terkini supaya mereka mampu kekal relevan dan memenuhi permintaan pasaran kerja.

“Biokerjaya @ My Future Agro dan program latihan lain di bawah program BioAcademy membolehkan mereka melaksanakannya kerana latihan berkaitan memberi tumpuan kepada penerimaan dan aplikasi teknologi di tempat kerja.

“Ini sejajar dengan aspirasi dan usaha kerajaan dalam memodenkan industri sedia ada misalnya penggunaan amalan peladangan moden dalam pertanian terus berkembang untuk bergelar negara maju yang dipacu oleh industri berdasarkan teknologi,” katanya.

Biokerjaya @ My Future Agro dikendalikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mula dilaksanakan pada Oktober 2020, di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).



*Salah satu peserta program Biokerjaya @ My Future Agro.*

Menurutnya, selain penempatan pekerjaan dan penambahbaikan kemahiran peserta, program ini menggalakkan peserta untuk bersikap terbuka dalam memperoleh pengetahuan dan pengalaman baharu dalam bidang yang mungkin tidak menjadi kebiasaan sebelum ini seperti bioteknologi, teknologi berdasarkan bio atau teknologi pertanian.

"Pemikiran ini sememangnya penting supaya peserta dan negara mampu melangkah ke hadapan dan berkembang maju dalam dunia yang pantas berubah kini.

"Menerusi program ini, peserta juga akan menyedari bahawa bidang ini tidak sukar untuk diterokai. Kami mahu menunjukkan tanpa mengira kelayakan atau latar belakang seseorang, sentiasa ada ruang untuk meningkatkan kemahiran dan pekerjaan dalam bidang ini menerusi program kendalian BioAcademy," katanya.

Menerusi program Biokerjaya @ My Future Agro sehingga Oktober 2021 lalu, seramai 941 individu berjaya memperoleh pekerjaan di 78 syarikat, dan sejumlah 1,961 kekosongan ditawarkan menerusi portal Biokerjaya. Maklumat lanjut mengenai program Biokerjaya @ My Future Agro boleh dilayari menerusi laman sesawang <https://biokerjaya.my>

# NEKMAT jangka harga ikan pulih 2 minggu lagi

Kuala Lumpur: Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) tidak langesung harga turut meningkat.

"Pada waktu iniolah kita berharap pengguna dapat membeli ikan sejuk bekut yang dijual pada harga tempoh dua minggu lagi. Pengerusi NEKMAT, Abdul Hamid Bahari, berkata peningkatan harga ikan akibat faktor cuaca tidak menentu ketika ini sememangnya sudah dijangka berikutnya angin terlalu leencang menyebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut.

Katanya, keadaan itu sekali gus mencegaskan jumlah tangkap ikan segar, berbanding permintaan tinggi dan secara

ini, ikan temenung atau ikan kembung yang menjadi antara menu harian penduduk di Kelah didaati dijual antara RM13 hingga RM17 sekilogram, berbanding hanya RM5 awal bulan lalu.

Abdul Hamid berkata, mentaliti pengguna perlu faham, ikan sejuk belum juga adalah ikan yang sama dibeli kebanyakannya di restoran besar dan kedai makan untuk dimasak.

"Namun, mereka tiraik sedar

sekitarannya mereka membeli ikan sejuk tetapi akan disejuk bekut dan per-

hanya dijalalkan kepada peniaga restoran, tetapi kini demikian menyebut seruan kerajaan pada program Jhalau Kehuarga Malaysia, kita mengijual kepada pengguna lain juga," katanya.

"Belian berlaku, NEKMAT masih mempunyai stok bekalan ikan sejuk bekut mencukupi untuk diedarkan pada harga berpatutan.

"Ketika ini, kira-kira 60 tan ikan sejuk bekut sudah terjual dan banyak lagi akan diedarkan tempoh terdekat kepada persatuan nelayan di seluruh negara," katanya.



Abdul Hamid Bahari

secara

per-

kualiti.

"Sebelum ini, ikan sejuk bekut

ma dengan ikan sejuk bekut sedia ada. "Sebanyak 90 peratus ikan yang dinikmati pengguna di restoran atau kedai makan juga ada-

lah ikan sejuk bekut kerana kita mempunyai garis panduan untuk memastikan ikan dengan menggunakan sistem teknologi pembekuan seekor-sekor ini ber-

patutan.


"Ketika ini,

60 tan

ikan sejuk bekut sudah terjual

dan banyak lagi akan diedarkan

tempoh terdekat kepada persatuan nelayan di seluruh negara," katanya.



SEBAIAGIAN daripada 11 kolam ternakan ikan air tawar yang diusahakan Ab Rahim di Felda Palong Satu Jempol.

“

**Yang tinggal hanya 60 itik dan lima angsa**

Ab Rahim

## Jempol

**I**barat sudah jatuh ditimpap tangga, demikian nasib yang menimpak beberapa pengusaha kolam ternakan ikan air tawar di Felda Palong Satu di sini, apabila terpaksa reda dengan kerugian puluhan ribu ringgit akibat bencana banjir baru-baru ini.

Seorang pengusaha Ab Rahim Lembek tidak menjangkakan kejadian banjir besar yang berlaku pada malam tahun baru itu menjaskan kawasan rumahnya seluas lebih 0.4 hektar yang turut dilengkapi kolam ternakan ikan dan reban ayam serta itik peliharaannya.

\* Pernak berusia 73 tahun itu yang mempunyai 11 kolam ternakan berkata, sebanyak 13,200 ekor ikan ternakannya iaitu keli, tilapia dan baung dihanyutkan arus banjir deras.

“Selepas selesai bacaan Yasin di masjid, saya lihat air di dalam parit naik sikit sahaja. Jadi setibanya di rumah, saya bersama isteri, seorang anak perempuan dan cucu perempuan cepat-cepat pindahkan barang dan dokumen penting ke tingkat atas.

“Hujan mula lebat pada pukul 11 malam kemudian air memasuki dan menenggelamkan bahagian bawah

# 13,200 ikan dihanyut bah

*Pengusaha ikan air tawar akur kerugian puluhan ribu ringgit akibat bencana banjir*



AB Rahim menunjukkan sebahagian ternakan yang terselamat rumah. Paling memerlukan air mula naik setingga dua meter. Jika kami tetap tinggal di tingkat bawah memang air itu sudah melebihi paras kepala,” katanya.

Beliau berkata, ternakan yang diusahakannya sejak 2015 itu mengalami kerugian berpuluhan ribu ringgit namun reda dengan keja-

dian itu dan hanya mampu bertawakal kepada Allah SWT.

Menurut Ab Rahim, 150 ekor ayam kampung peliharaannya turut mati dalam kejadian banjir itu dan beliau menyifatkan banjir kali ini sebagai kedua terburuk selepas 2011.

“Semua ayam kampung di dalam reban mati...terna-

kan yang tinggal hanya 60 itik dan lima angsa kerana ketika itu haiwan ini melearkan diri ke atas bumpong dan pokok berhampiran” katanya.

Turut mengalami nasib sama penternak ikan keli, A Ghani Kolan yang kehilangan 10,000 ekor ikan peliharaannya yang terlepas keluar selepas enam kolam miliknya pecah akibat banjir.

Penternak berusia 80 tahun itu terpaksa menanggung kerugian lebih RM10,000 akibat kejadian itu.

Bagi penternak ikan air tawar, Zainuddin Hamzah, 73, pula berkata, beliau menanggung kerugian RM20,000 apabila 5,000 ekor ikan pelbagai jenis diternaknya termasuk baung, lampam dan tilapia merah dihanyutkan banjir dari sebuah kolam miliknya.

# Pokok strawberry Selising laris

Oleh TOREK SULONG

[utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)

**PASIR PUTEH:** Seorang pemuda, Mohammad Arif Aizat Shukri tidak perlu ke tanah tinggi untuk menikmati buah strawberry sebaliknya memetiknya di belakang rumah di Selising, di sini yang berbau sepanjang tahun. Berkongsi pengalaman menanam pokok strawberry di tanah rendah, Mohammad Arif Aizat, 20, memberitahu Utusan Malaysia, dia cuba-cuba menanam pokok induk yang diperoleh dari Terengganu pada November 2019.

Tanpa disangka, percubaan itu menjadi dan dalam tempoh dua tahun ini, persekitaran rumahnya berubah wajah apabila dipenuhi pokok strawberry yang turut dijual secara anak benih, sekali gus menjadi punca rezeki kepadanya.

Kata Mohammad Arif Aizat, walaupun ditanam di kawasan tanah rendah, kualiti buah itu tetap sama sebagaimana strawberry yang ditanam di kawasan beriklim sejuk seperti Cameron Highlands.



semula,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mohammad Arif Aizat berkata, ketika ini, dia lebih fokus mengusahakan anak benih dan pokok matang yang mendapat permintaan tinggi selepas terbukti pokoknya mampu tumbuh subur di tanah rendah selain kali cuaca panas.

Katanya, sebanyak 1,000 anak benih dan pokok matang sedia untuk dipasarkan, sama ada menerusi dalam talian atau secara walk in di nurseri yang terletak dalam kawasan rumahnya dengan harga antara RM10 hingga RM30 sepokok.

“Saya masih memerlukan bimbingan kepakaran Jabatan Pertanian dan agensi berkaitan untuk menggapai impian sebagai usahawan pokok strawberry yang pertama di negeri ini.

“Dalam usaha mempromosikan usaha saya ini, satu laman Strawberryfarm Selising diwujudkan di media sosial. Kini laman itu sudah mengumpul 1,200 peminat untuk berinteraksi dalam hal-hal berkaitan penanaman strawberry,” jelasnya.

**MOHAMMAD Arif Aizat Shukri menunjukkan pokok strawberry yang diusahakan di rumahnya di Selising. Pasir Puteh. - UTUSAN/TOREK SULONG**

“Sekarang terdapat tiga varieti strawberry yang saya usahakan iaitu Japanese sweet charlie, Albion dan Angel Eight dengan anggaran lebih 300 pokok yang sudah matang dan boleh dijadikan induk untuk pembentahan

kepada cahaya matahari.

# Prices of some greens up

**More than a 40% increase blamed on recent floods**

By R. SEKARAN  
[rsekaran@thestar.com.my](mailto:rsekaran@thestar.com.my)

**GEORGE TOWN:** After more than two weeks of floods in many parts of the country, vegetable supplies have taken a hit with prices of some greens going up by more than 40% owing to damaged crops and farmland, in addition to difficulties in distribution.

A check here showed that these price spikes only affect perishables, while prices of other grocery items remain stable.

At Chowrasta and Ayer Itam markets, brinjal, leek and cabbage were among the greens with the highest price hikes, more than 40% compared with three weeks ago.

"In fact, the prices have now stabilised compared with the height of the floods on Dec 18," said vegetable seller Tan Sin Soon, 60, at Chowrasta Market yesterday.

"Brinjals now sell for about RM12 a kilo compared with RM8, lettuce RM13 from RM8 per kilo and Chinese cabbage at RM6 a kilo compared to RM3.50 a kilo."

He said that at the height of the floods about three weeks ago, some vegetable prices went up by as high as 70% for a few days because downpours in Cameron Highlands had destroyed crops there.

Tan said wholesalers complained of routes being cut off by floods and lorries not being able to send out vegetables.



**Daily necessity:** Flood damage to some farmlands in Cameron Highlands is one of the causes for the hike in vegetable prices. — ZHAFARAN NASIB/The Star

At Ayer Itam market, brinjal was selling at RM9 a kilo.

"We expect the prices to come down in the next few weeks," said vegetable seller Yeah Lim Poh, 55, Penang Island Vegetable Wholesalers Association chairman. Far Ban Ben said many plots of farmland in Cameron Highlands and elsewhere that were damaged by heavy rain and small landslides

would need to be rebuilt before farmers could restart planting.

"On average, the prices of most vegetables have been increasing.

"We faced a shortage of workers due to the movement control order, and we are now grappling with the floods. It will take some time before things are back to normal," he said.

Domestic Trade and Consumers Affairs Ministry Penang director

Mohd Ridzuan Ab Ghapar said periodic checks did not show a major hike in food items as a whole at most markets.

"We have been monitoring the prices since the floods. While there are price hikes on several vegetables, prices overall remain stable.

"Our personnel will visit the markets again to see if there are is a trend of price increases," he said.